



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

## SIARAN MEDIA

### CBO PERKUKUH ASAS KEBAJIKAN TANGGUNGJAWAB BERSAMA

**BALIK PULAU, 8 OGOS** – YB Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad, Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat hari ini, telah menyempurnakan Pelancaran Direktori Organisasi Berasaskan Komuniti (CBO) KPWKM @Barat Daya bertempat di Dewan Bukit Belah, Teluk Kumbar, Pulau Pinang.

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dalam usaha untuk mempergiat penyampaian perkhidmatan melalui pendampingan komuniti yang melibatkan intergenerasi dalam usaha mengangkat dan memartabatkan kumpulan sasaran Jabatan selaras dengan konsep 'Kebajikan Tanggungjawab Bersama'.

Isu penjagaan keselamatan golongan rentan dalam komuniti khususnya kanak-kanak, golongan orang kurang upaya (OKU), warga emas serta mangsa keganasan rumahtangga tidak boleh dipandang remeh. Tugas melindungi serta menjaga keselamatan dan kebajikan golongan tersebut adalah tanggungjawab bersama semua pihak khususnya komuniti setempat.

Dalam usaha untuk membendung peningkatan kes-kes begini, Kementerian mewujudkan CBO yang menjadi asas kepada pembangunan komuniti yang didorong oleh anggota komuniti itu sendiri. Ahli CBO terdiri daripada Jawatankuasa Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE), Jawatankuasa Pertubuhan Pemulihan Dalam Komuniti (PPDK), Pasukan Pelindungan Kanak-Kanak (PPKK) dan Pasukan Kebajikan Kanak-Kanak (PKKK) serta Sukarelawan Kebajikan yang dianggotai oleh ahli komuniti dan organisasi berasaskan komuniti ini menjadi rakan strategik JKM dalam menyantuni dan melindungi kumpulan sasaran di bawah KPWKM. Seramai 250 yang terdiri daripada

kumpulan sasar Kementerian, Jabatan, komuniti setempat dan pemimpin komuniti mendapat pendedahan berkaitan perkhidmatan yang disediakan oleh pihak KPWKM dan JKM dalam program hari ini.

Program yang dilaksanakan ini merupakan salah satu usaha KPWKM untuk memperkasa pengetahuan dan kemahiran ahli-ahli komuniti CBO. Sesebuah organisasi dalam komuniti memainkan peranan penting dalam membangunkan komuniti setempat, menerusi promosi penglibatan komuniti dan tindakan kolektif ahli komuniti dalam menangani masalah setempat serta memenuhi defisit keperluan komuniti dan seterusnya menyumbang kepada peningkatan kesejahteraan hidup.

Terdahulu, YB Timbalan Menteri, turut melancarkan Program Advokasi Perlindungan Kanak-Kanak : KASIH Kanak-Kanak Peringkat Negeri Pulau Pinang. Antara pengisian program advokasi ini ialah memberi pendedahan dan pengetahuan kepada kanak-kanak dan komuniti berkaitan kes kanak-kanak yang memerlukan pemeliharaan dan perlindungan serta tindakan yang boleh diambil sekiranya kanak-kanak terdedah atau terlibat dengan situasi tersebut.

KPWKM melalui JKM menyeru komuniti setempat, memanfaatkan Pusat Panggilan **Talian Kasih 15999** atau **Whatsapp 019-26 15999** serta **Aplikasi Mobil Talian Kasih** apabila berlakunya kes-kes penderaan yang melibatkan anggota masyarakat, komuniti khususnya kanak-kanak untuk mendapatkan pertolongan dan bantuan segera.

Turut serta dalam program ini YB Puan Lim Siew Khim, Exco Pembangunan Sosial, Kebajikan & Hal Ehwal Bukan Islam, YB Puan Lim Siew Khim, Exco Pembangunan Sosial, Kebajikan & Hal Ehwal Bukan Islam, YB Dato' Azrul Mahathir bin Aziz, Timbalan Yang Di-Pertua Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang dan pegawai-pegawai kanan Kementerian.

####

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT  
8 OGOS 2024**